

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1/2004

STATUS KAVEAT KE ATAS TANAH YANG DISERAH BALIK DIBAWAH SEKSYEN 197 KTN 1965 DAN KEMUDIAN DIBERIMILIK DI BAWAH SEKSYEN 76 KTN 1965 BAGI TUJUAN PINDAHMILIK

Arahan ini dikeluarkan bagi memberi penjelasan kepada Semua Pentadbir Tanah berhubung dengan status kaveat ke atas sesuatu tanah yang diserah balik dan diberimilik semula bagi maksud pindahmilik.

2. Persoalan status kaveat tersebut berbangkit apabila permohonan pindahmilik yang dibuat dibawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 diberi kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan melibatkan perubahan jenis hakmilik melalui kaedah serahbalik dibawah Seksyen 197 KTN 1965 dan diberimilik semula dibawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930, Seksyen 9 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan Seksyen 76 KTN 1965 sedangkan tanah tersebut masih tertakluk kepada kaveat.
3. Kekeliruan timbul apabila pemegang kaveat tersebut telah memberikan persetujuan untuk pindahmilik asalkan kepentingan mereka ke atas tanah berkenaan tidak terjejas.
4. Dalam hal ini, Seksyen 199 (1) KTN 1965 menyatakan bahawa tanah yang diserahkan adalah menjadi tanah kerajaan dan peruntukan Seksyen 131 hendaklah terpakai seolah-olah tanah tersebut dikembalikan dan terletakhak kepada Kerajaan melalui tindakan perampasan. Seksyen 131 (a) KTN 1965 secara jelas menyatakan tanah-tanah tersebut adalah dilepaskan daripada semua hakmilik dan kepentingan yang sedia ada.

5. Untuk melaksanakan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah memastikan pihak-pihak berkepentingan memahami kesan penyerahan balik tersebut terlebih dahulu sebelum memberi kebenaran bagi urusan pindahmilik tersebut. Untuk memastikan kepentingan pemegang kaveat terjamin, pihak pemegang kaveat perlulah mengemukakan permohonan untuk memasukkan kaveat dibawah Seksyen 323 atau Seksyen 330 KTN 1965 untuk membolehkan kaveat tersebut dimasukkan semula sejurus selepas pemberian milik semula disempurnakan.

6. Arahan ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

t.t

(Abdul Halim Bin Hj. Ahmad)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
4. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
6. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

Bertarikh : 01hb. Januari 2004

Fail : PTG.KN 3269 Jld.2 (65)